

BRUNEI BERKABONGATAS KEMANGKATAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia di-jadualkan berangkat balek ka-tanah ayer pada hari ini sa-telah menghadhiri istiadat permakaman Almerhum Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Hisamuddin Alam Shah, Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang telah mangkat di-Kuala Lumpur pada hari Khamis lepas.

Baginda telah berlepas ka-Tanah Melayu pada hari Juma'at dengan kapal terbang kepunyaan sharikat Brunei Shell dengan diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Haji Ismail, juruiring, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha, Yang Teramat Mulia Tengku Ihsan dan suami-nya Tengku Pengiran.

Almerhum Seri Paduka telah di-makamkan di-makam Diraja Selangor di-Klang, 25 batu dari Kuala Lumpur. Sa-lain dari Duli Yang Maha Mulia, istiadat permakaman itu telah di-hadhiri oleh Duli2 Raja Melayu dan ahli2 Jemaah Menteri Persekutuan.

BERITA KEMANGKATAN

Almerhum ia-lah Yang di-Pertuan Agong Persekutuan yang kedua dan telah di-pilih oleh Duli2 Raja Melayu memegang jawatan itu pada 14 April tahun ini menggantikan Almerhum Tuan-ku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agong yang pertama yang telah mangkat pada 1 April.

Berita kemangkatan itu telah di-terima di-Brunei pada pukul 1.30 tengah hari Khamis.

Berikutan dengan berita itu Duli Yang Maha Mulia telah memerintahkan supaya bendera2 di-kibarkan separoh tiang di-bangunan2 kerajaan di-seluruh negeri.

Majlis Meshuarat Kerajaan yang bersidang pada petang itu telah bertafakkur sa-lama dua minit kerana menghormati Almerhum.

BERKABONG

Pada hari itu juga Nobat Diraja telah di-titahkan berjaga2 sa-bagai satu tanda penghormatan baginda kapada Almerhum Seri Paduka.

Pada hari permakaman bendera2 telah sa-kali lagi di-kibarkan separoh tiang dan semua orang2 yang bergelar dan pegawai2 kerajaan telah berkabung.

Sembahyang ghaib telah diadakan di-semua mesjid di-seluruh negeri pada hari Juma'at.

Rancangan perarakan Maulud yang di-jadualkan untuk diadakan pada hari Sabtu, ia-itu

hari permakaman, telah di-tanggihkan dan akan di-adakan pada hari Ahad akan datang.

Untuk menghormati hari permakaman hari Sabtu itu telah di-jadikan hari kelepasan tetapi oleh sebab hari itu telah di-ishtiharkan sa-bagai hari kelepasan kerana menyambut Maulud Nabi, kelepasan hari permakaman telah digantikan dengan hari Ithnin.

Almerhum Seri Paduka telah di-puterakan pada 13 May 1896



Almerhum Seri Paduka

dan telah di-tabalkan menjadi Sultan Selangor pada 4 April 1938 menggantikan paduka ayahanda-nya Almerhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu menchapai taraf negara yang merdeka tiga tahun dahulu Almerhum itu telah di-pilih oleh Duli2 Raja Melayu menja-

(Lihat muka 5)

Mesjid baharu Telisai



TELISAI. — Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-kampung ini pada 26 August kerana mengishtiharkan pembukaan rasmi mesjid Kampong Tumpuan yang telah siap di-bena itu.

Masjid itu di-buat daripada kayu dan telah memakan belanja sa-banyak \$3,225.29 Wang itu telah di-dermakan oleh penduduk2 Negeri Brunei terutama-nya penduduk2 Kampong Telisai.

Hari pembukaan mesjid itu bersamaan dengan hari Juma'at. Duli Yang Maha Mulia telah sembahyang Juma'at di-mesjid baharu itu sa-telah acara pembukaan selesai.

Sa-lepas sembahyang Duli Yang Maha Mulia telah di-junjong san-tap tengah hari di-sekolah Melayu Telisai yang berhampiran di-situ.

Turut hadir dalam istiadat pembukaan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Kadhi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shah-bandar Haji Mohamed Salleh.

PERSEDIAAN PILEHAN RAYA BAGI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Pilehan Raya Persekutuan Tanah Melayu, Tuan Haji Mustapha Albakri, telah sampai di-Brunei baharu2 ini kerana memberi nasihat tentang mengadakan pilehan raya di-negeri ini.

Beliau datang bersama dua orang pegawai Surohan Jaya Pilehan Raya Persekutuan atas jemputan Duli yang Maha Mulia.

Tuan Haji Mustapha telah melawat beberapa buah kampong di-negeri ini untuk memerhatikan kemungkinan pilehan raya di-adakan.

Sa-lepas itu beliau telah mengadakan rundingan dengan Duli Yang Maha Mulia dan pegawai2 tinggi kerajaan berkenaan dengan chara2 mengadakan pilehan raya itu.

Menurut perlembagaan yang di-ishtiharkan pada 29 September tahun lepas pilehan raya bagi ahli2 majlis meshuarat daerah hendaklah di-adakan dalam masa dua tahun sa-lepas tarikh tersebut.

Enam belas orang dari ahli2 majlis2 meshuarat daerah yang di-pilih akan di-lantek kelak untuk menjadi ahli majlis meshuarat negeri.

Pengiran Muda ka-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berangkat ka-Kuala Lumpur pada 19 August lepas kerana balek ka-sekolah.

Putera2 Diraja itu telah balek bersama rakan2 mereka itu, ia-itu putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Duli Pengiran Pemancha dan Pengiran Ali bin Pengiran Haji M. Daud.

Barang2 pertukangan tangan India di-pamerkan

SERIA—Satu pertunjukan barang2 pertukangan tangan dan tenunan India yang di-anjorkan oleh kaum Indian di-Brunei telah di-adakan di-dewan kemasyarakatan di-sini sa-lama tiga hari mulai 20 August lepas.

Pertunjukan itu telah mendapat sambutan baik daripada penduduk2 negeri ini dan barang2 yang di-pamerkan untok di-jual telah habis di-beli sa-belum pameran



Duli Pengiran Pemanha.

itu di-jadualkan untok di-tutup pada 22 August.

Pertunjukan itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha.

DERMA HARI KEPUTERAAN

BANDAR BRUNEI—Penduduk2 Brunei telah menderma sa-banyak \$2,279.20 dalam minggu lepas kerana perbelanjaan perayaan2 menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada 23 September ini.

Derma itu sekarang berjumlah \$7,852.20.

Para penderma dalam minggu lepas ada-lah saperti di-bawah ini:

Chee & Co. \$300; Pengarah Haji Abdullah \$7; Lamudin bin Hussin \$4.30; Mohd. Yusof bin O.K. di-Gadong \$22.50; Chin Yip & Co. \$1,000; Dato Seri Laila Samat \$22.30; Metussin bin Hashim \$7.10; Haji Abas bin Sulaiman \$5; Pengiran H. Ab. Rahman b. P. Jaya \$16.40; Controller of Immigration \$10.90; Dato Harimau Padang \$7.20;

Samad bin Mat Serudin \$9.50; Haji Wahab bin H. Abdullah \$26.10; Brunei State Chamber of Commerce \$300; Deputy Controller of Land Transport \$30; Haji Duraman b. Mangsar \$49.70; Haji Nayan bin Hj. Taha \$27.50; Hashim bin Pengarah Sulaiman \$13; Mohamed bin Jamaludin \$8.70; Superintendent of Posts \$25; O.K. Laila Haji Tuah \$11;

Pengiran Anak Safar \$48.50; State Marine Department \$32.50; Dato Kerma Hj. Jaya \$6; Hj. Bakar bin Randah \$19; Mohamed b. Mail \$8.90; Ahmad bin Pengarah Perseh \$14; Commissioner of Lands \$57.50; Dato Ratna Hj. Mohd. Jaafar \$10; Controller of Stores \$37.50; State Information Department \$13.50; Amit bin Bungsu \$10; Taim bin Ghariff \$8.60; Pengiran Hassanah Bolkiah \$110. (Jumlah \$2,279.20).

Dalam ucapan pembukaan-nya Duli Pengiran Pemanha bersabda antara lain :

"Dalam peringatan saya ini-lah pertama kali-nya pertunjukan samacham ini di-adakan di-negeri ini. Saya perchaya akan banyak memberi faedah kepada orang2

di-negeri ini dan saya sangat tertarek hati dan berharap mudah2-an akan menjadi chontoh kepada ra'ayat negeri ini.

"Dengan ada-nya pertunjukan ini nampak-lah kepada kita tentang kerajinan dan usaha2 untok kemajuan yang telah di-perbuat oleh orang2 India dari zaman dahulu sa-hingga kepada masa ini.

"Ini ada-lah menjadi bukti sejarah bahawa India sa-benar2nya salah satu negara yang tua dan penoh dengan seni budaya yang bernilai."

60 GURU MELAWAT KUCHING —ADAKAN BERBAGAI2 PERMAINAN

BANDAR BRUNEI — Lima puluh delapan orang pegawai2 dan ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah berangkat ka-Kuching, Sarawak pada bulan lepas untok mengadakan perlawanan2 di-sana.

Rombongan itu di-ketuai oleh Inche Omar bin Mohamed, Setia Usaha Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan di-bantu oleh Chegu Abdul Hamid bin Othman.

Mereka telah berangkat ka-Kuching dengan kapal Bolkiah pada tengah hari 22 August dan balek ka-Brunei pada pagi 29 August.

Ketika tiba di-Kuching, ahli2 rombongan itu telah di-temui oleh Yang Berhormat Datu Abang Haji Openg, Ketua Majlis Islam Sarawak; Inche Mershi di bin Osman, Timbalan Pegawai Penerangan, Sarawak dan lain2-nya.

Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei itu telah memenangi perlawanan hokey dan volley ball. Mereka telah kalah perlawanan2 bola sepak, badminton dan pimpan.

Keputusan perlawanan itu ia-lah saperti di-bawah ini :

Hokey — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mengalahkan Pusat Latehan Batu Lintang dengan empat gol berbalas satu.

Volley ball — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mengalahkan Kuching dengan tiga perlawanan tidak berbalas.

Bola sepak — Pusat Latehan Batu Lintang mengalahkan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan tiga gol berbalas dua.

Badminton — Pusat Latehan

Tarikh lawatan Ketua Negara

BANDAR BRUNEI — Yang Terutama Inche Mohamed Yusof bin Ishak, Yang di-Pertuan Negara Singapura, di-jangka tiba di-Brunei pada 21 September ini.

Inche Yusof datang sa-bagai tetamu Duli Yang Maha Mulia kerana menghadhiri istiadat perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-44 pada 23 September.

Tuan Yang Terutama itu di-jadualkan berada beberapa hari di-Negeri ini.

BERIBU2 BANJIRI PANTAI NEGERI

JERUDONG—Beribu2 orang umat Islam di-Negeri Brunei telah mengadakan perkemahan sa-chara besar2an baharu2 ini kerana menyambut hari mandi safar.

Perkemahan itu telah di-adakan di-pantai2 Jerudong, Muara, Penanjong, Seria, Belait dan di-lain2 tempat.

Semenjak awal pagi hari mandi safar itu berduyun2 umat Islam, laki2 dan perempuan serta kanak2 dengan memakai pakaian2 yang chantek telah menuju ka-tempat2 perkemahan itu.

Kebanyakan dari mereka itu telah menaiki kereta dan membawa bermacam2 jenis makanan yang lazat, manakala ada juga di-antara mereka telah membawa alat2 bunyian saperti gitar dan biola untok menghiburkan hati kaum kelaurga dan orang ramai di-pantai2 peranginan tersebut.

Penduduk2 Brunei yang beragama Islam di-Brunei telah menyambut hari mandi safar itu dengan riang dan gembira semenjak beberapa tahun yang lalu.

Oleh kerana hari kebesaran umat Islam itu ia-lah hari kelepasan awam di-negeri ini, tidaklah shak lagi bahawa bukan sahaja umat Islam, bahkan lain2 bangsa juga kelihatan bersama2 bersuka ria di-pantai2 bahagia itu.

"Bolkiah" berehat sa-hingga 12 September

BANDAR BRUNEI — Kapal "Bolkiah" yang berulang alek antara Brunei dengan Labuan itu sekarang "berehat" sa-hingga 12 September.



Rupa bangunan rumah tumpangan kerajaan yang baharu di-bena di-Bangar, Temburong. Rumah itu akan memberi kemudahan kepada pegawai2 kerajaan yang melawat ka-Temburong kerana menjalankan kewajipan. Sa-belum rumah tumpangan itu di-bena mereka terpaksa bermalam di-rumah2 sahabat handai.

"Gelap pekat timpa Brunei dengan tiba2"

MUARA. — Keadaan serba susah di-Brunei telah di-cheritakan oleh sa-orang tua, Haji Daim bin Nordin berumur 101 tahun yang tinggal di-Kampung Tunas Jambu, lebeh kurang enam batu dari sini.

Haji Daim yang telah naik ka-Mekah dua tahun dahulu bersama isteri-nya, Hajjah Lijah binti Mirhasan, berumur 96 tahun maseh ingat akan kejadian gelap pekat yang berlaku sa-konyong2 dalam tahun 1883.

Gelap pekat itu ia-lah akibat letupan gunung berapi di-Pulau Karakatau yang terletak di-laut antara Pulau Jawa dengan Sumatera yang telah membunuh lebeh 36,000 orang.

"Ingatan saya kejadian gelap itu bukan-lah gelap sa-bagaimana siang berganti malam sa-bagai yang lazim itu, tetapi kejadian gelap itu mengejut dengan tiada tanda2 terlebih dahulu.

"Kejadian gelap itu berlaku sa-habis2 lama dalam jangka tiga jam. Keadaan itu berlaku berulang2 sa-lama tiga empat hari," kata Haji Daim.

Kedua orang suami isteri itu telah juga mencheritakan keada-

sebab kemudahan2 telah banyak di-dapati dan perhubungan jalan makin sa-hari sa-makin baik," kata Haji Daim.

Oleh kerana telah tua Haji Daim tidak lagi turun ka-sawah atau membuat kerja2 yang berat, tetapi ia tidak membuang masa. Haji Daim membuat sa-

rong parang dan ulu-nya untuk di-jual kepada orang2 kampung.

Sa-balek-nya Hajjah Lijah, walau pun telah terjumlah "orang tua" juga maseh linchah gerak geri-nya dan boleh membuat kerja2 yang berat saperti bersawah padi dan menjalankan urusan rumah tangga.

Mereka menerangkan bahawa amalan2 mereka sa-hingga men-chapai umur yang lanjut itu salain dari kurniaan Tuhan, ia-lah kerana mereka itu meng-habiskan masa dengan bekerja.

"Kami membuat pekerjaan berchuchok tanam dengan hati yang riang sa-tiap hari," kata Hajjah Lijah.—(AT)

Makanan yang baik perlu di-beri kapada ternakan

BANDAR BRUNEI — Makanan yang baik ada-lah mustahak di-beri kapada ayam jika hasil yang baik dari telur dan daging-nya hendak di-dapati.

Dalam renchana ini Tuan A. K. Sundram, Pegawai Haiwan Brunei menerangkan champoran2 makanan yang baik.

Sa-lepas itu ayam itu hendak-lah di-beri makanan sa-bagai ayam besar yang mengandongi kurang sedikit protein tetapi lebeh banyak zat2 logam saperti makanan champoran tulang atau makanan champoran zat2 logam.

Vitamin A dan D sangat mustahak dan jika ayam itu dipelihara sa-chara berkurung, minyak ikan cod liver sa-banyak 1% dari jumlah makanan itu hendak-lah di-champorkan.

Daun2 sayor hendak-lah juga di-champorkan dalam makanan ayam.

Hasil telur yang banyak.

Untuk mendapatkan telur yang banyak, zat protein dan logam2 yang menchukupi adalah mustahak. Ada-lah di-ang-garkan bahawa bagi mendapatkan telur yang 2 oz berat-nya zat protein yang boleh hazam sa-banyak $\frac{1}{2}$ oz dan zat2 logam khas-nya calcium carbonate sa-banyak 0.25 oz ada-lah di-kehendaki untuk kerabang telur.

Makanan untuk mendapatkan telur yang sa-habis banyak hendak-lah mengandongi 10% zat protein yang baik.

Kulit lokan yang telah di-jadikan serbok baik di-berikan bagitu sahaja tetapi jika tidak boleh sa-bagaimana berlaku jika memelihara ayam sa-chara besar2an, 4% dari jumlah makanan itu hendak-lah daripada calcium dan champoran phosphorus.

Jika telur itu di-kehendaki untuk di-tetaskan, champoran susu, susu tepong dan sayor2an sangat mustahak di-beri untuk menambah kemungkinan telur itu menetas.

Ini ia-lah kerana benda2 itu mengandongi vitamin B2 (ri-

bonflavin). Minyak ikan cod liver yang agak banyak sedikit hendak-lah di-beri kapada ibu ayam.

Makanan untuk menggemokkan.

Jika ayam hendak di-gemokkan untuk di-jual, makanan yang mengandongi banyak carbohydrate dan minyak serta zat protein dan logam yang chukup bagi membesarkan hendak-lah di-champorkan dalam makanan.

Makanan yang biasa-nya membesarkan ayam di-Brunei ia-lah beras hanchor, ikan dan minyak cod liver. Makanan yang biasa di-beri kapada anak2 ayam itu baik di-jadikan makanan untuk menggemokkan.

Chara2 memberi makanan itu terkandung dalam salah satu empat chara.

Makanan daripad biji. Makanan daripada biji yang biasa di-berikan ia-lah daripada biji2 padi, jagong, dan lain2 biji gandum.

(Bersambung)

RANCHANGAN MALAM KESENIAN MELAYU

BANDAR BRUNEI. — "Malam Kesenian Melayu", iaitu satu temasha mengandongi berbagai2 persembahan berchorak kesenian Melayu akan di-persembahkan di-Dewan Civic Centre, Bandar Brunei pada malam 9 dan 10 September.

Persembahan itu ia-lah sa-bagai salah satu ranchangan kutipan derma untuk sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Antara achara2 yang akan di-persembahkan di-temasha Malam Kesenian Melayu itu ia-lah Mak Yong, suatu tarian yang digemari di-Persekutuan Tanah Melayu.

Beberapa orang penyanyi yang berjaya dalam pertandingan Bintang Radio Brunei tahun ini akan memperdengarkan suara mereka yang merdu di-temasha tersebut.

"Raja2 dan Permaisuri2 kalakar" tempatan, tidak ketinggalan akan menyukakan hati para penonton dengan lakonan2 jenaka mereka.

Orang2 yang akan mengambil bahagian di-temasha tersebut akan melawat ka-kampung ayer dengan menaiki sa-buah kapal beberapa hari sa-belum diadakan temasha itu untuk memperdengarkan suara mereka.

Ahli2 penasihat

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Jawatankuasa Penasihat Pelajaran Brunei ia-lah Pegawai Pelajaran Negara (Pengerusi), Pengetua BTTC, Pengetua SOAS, Inche Hussin b. Yusof, Yang Berhormat Pengiran Ali, Rev. L. J. Barry dan Tuan A. S. Sung.



Haji Daim bin Nordin.

an serba susah di-Brunei pada masa mereka muda.

Brunei, kata mereka, penoh dengan hutan rimba. Sultan2-nya tinggal di-Kampung Ayer.


Haji Daim berkata:

"Sultan2 yang saya maseh ingat ia-lah Sultan Omar Saifuddin II, Sultan Hashim sa-hingga ka-Sultan yang ada sekarang.

"Sa-kali sa-kala kami pernah pergi ka-Brunei. Pada masa itu kedai-nya di-Kampung Ayer yang pada masa ini di-kenal dengan nama Kampung Bakut China. Pada masa itu orang2 China-lah sahaja yang berniaga di-Brunei."

Tentang perbezaan kehidupan pada masa dahulu dengan sekarang kedua2 orang tua itu menegaskan bahawa mereka maseh berchuchok tanam dan bersawah padi saperti dahulu kala.

"Tetapi rasa kehidupan sekarang ini ada-lah lebeh senang



Satu pemandangan di-Tasek di-mana sa-buah kolam ayer baharu untuk memberi bekalan ayer kapada penduduk2 Bandar Brunei sedang di-bena.

3,000 SAKSIKAN PERTUNJOKAN PERTANIAN

Lebih 3,000 orang penduduk dari seluruh negeri Brunei telah membanjiri pertunjukan tersebut pada masa pembukaan itu di-laksanakan, selain bilek2 tempat pameran itu penuh sesak mendapat kunjungan penuntut2 dari sejak pagi hingga ka-petang.

Sa-lain dari penatong pertunjukan tersebut Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar, ia-lah ahli2 Majlis Mesuarat Negeri, ketua2 pejabat dan beberapa orang kenamaan telah hadir juga menyaksikan pertunjukan itu.

PASAR GEMBIRA

Sa-baik sahaja pertunjukan itu di-buka dengan rasmi-nya, penuntut2 berlumba2 masuk dari sa-buah bilek ka-sa-buah bilek yang lain kerana menyaksikan pameran barang2 itu.

Suasana yang meriah sambil menyaksikan pameran itu berjalan hingga ka-jam 5 petang dengan membeli belah barang2 yang menarik perhatian mereka masing2.

Di-hadapn Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pula diadakan pasar gembira dengan permainan Tikaman2 dengan menyediakan binating2 teranakan, bunga2an dan lain2 sa-bagai hadiah-nya kepada siapa2 yang bernasib baik. Ini pun mendapat kunjungan dari mereka2 yang chenderong pada permainan itu.

MENAREK PERHATIAN

Menjelang dua tiga hari ka-tarikh pertunjukan tersebut, orang ramai telah mengunjungi kedua2 buah sekolah itu kerana menyaksikan barang2 yang menjadi pameran itu.

Pertunjukan Pertanian pada tahun ini mengandungi hasil2 tanaman, perusahaan2 dan pekerjaan tangan dari penduduk2 negri Brunei termasuk barang2 daya kerja budak2 sekolah, sharikat2 perniagaan, pejabat2 kerajaan dan B.S.P. Co. serta lain2 barang yang berhubung dengan kerja tangan penduduk2 Brunei.

Sa-lain dari barang2 yang lazim di-pamerkan sa-bagaimana tahun2 yang lalu yang menarik perhatian ia-lah jenis2 bunga hidup yang semakin bertambah dengan jenis2 bunga yang baharu, yang mendapat kunjungan dari para penuntut yang tidak habis2-nya.

Bagitu juga pertukangan kayu, perak, tembaga dan lain2 barang yang mempunyai perubahan2 dari sa-tahun ka-sa-tahun dengan prosis perkembangan-nya itu.

Yang Berhormat Pengiran Md. Yusuf bin Pengiran Haji

Pertunjukan pertanian sa-Negeri Brunei kali ke.14 telah berlangsung pada 21 August lepas di-sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Raja Isteri Fatimah di-Bandar Brunei dengan pembukaan rasmi-nya di-lakukan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Besar, isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Barang2 yang di-pamerkan pada tahun ini ada-lah lebih banyak dari tahun2 yang sudah kerana sa-lain dari hasil perusahaan pertanian seperti buah2an, padi dan sayur2an, hasil perusahaan penternakan telah juga kelihatan.

Seperti tahun2 yang sudah hasil2 pertukangan tangan dan barang2 yang di-keluarkan di-negeri ini untuk di-jadikan dagangan telah juga di-pamerkan.

Barang2 itu dengan jelas-nya merupakan daya kerja yang di-jalankan oleh penduduk2 negeri ini.

Abd. Rahim, sa-laku Yang Di-Pertua pertunjukan tersebut, sa-waktu hadiah2 akan di-sampaikan kepada mereka2 yang berjaya telah berkata an-

haja", Pengiran Md. Yusuf menambah.

Menyambong ucapan-nya mengenai hasil2 padi di-negeri Brunei, Pengiran Md.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Besar memotong peta.

tara lain bahawa pertunjukan pada tahun ini ada-lah bertambah barang2-nya dari tahun2 yang lalu, dan lebih ramai mendapat kunjungan dari penduduk2 Brunei.

"Ini ada-lah suatu hal yang tidak dapat di-sangkal lagi betapa kesedaran penduduk2 Brunei untuk menyaksikan dengan mata mereka sendiri bagaimana hasil2 daya kerja yang di-buat oleh penduduk2 masa ini", ujar beliau.

TIDAK BERERTI

Pengiran Md. Yusuf menegaskan bahawa walau pun ada perubahan dan tambahan dalam pertunjukan itu dari sa-tahun ka-sa-tahun tetapi sa-yang tiada apa erti-nya sa-lain untuk dipersaksikan sahaja.

"Hasil buahan2 dalam negeri ini, mithal-nya, tidak dapat di-perniagakan kamana2 sa-lain di-gunakan oleh penduduk dalam negeri sahaja kerana tiada satu jalan mengusahakan-nya — hanya tinggal busok dan membazir sa-

negeri sa-mata2, kita mesti berusaha tentang ini supaya kita tidak mengharapkan barang2 makanan dari luar negeri sahaja," ujar beliau lagi.

Tetapi walau bagaimana pun Pengiran Md. Yusuf berharap bahawa pertunjukan yang ada pada hari ini ada-lah sa-bagai suatu perangsang kepada penduduk negeri ini supaya mengenal dari dekat mengukur bagaimana hasil daya kerja anak2 negeri ini dari sa-tahun ka-sa-tahun.

"Pendek-nya usaha2 ka-arrah pertanian yang meluas ini kita mesti bekerja sama dan saling mengerti untuk menambah hasil permatan negeri ini dengan daya usaha Pegawai Pertanian Negara," tegas beliau.

Membicarakan hasil getah dalam Brunei Pengiran Md. Yusuf berkata bahawa hasil getah dalam negeri Brunei belum memuaskan kerana belum sampai darjat-nya di-pasar2 dunia.

PENJELASAN M.B.

Akhir-nya Pengiran Md. Yusuf tidak lupa mengucapkan terima kasih-nya atas kata pendahuluan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar, dalam buku ranchangan Pertunjukan Pertanian itu.

Dalam buku tersebut, tegas beliau, Dato Paduka itu menegaskan betapa mustahak-nya pertanian kepada sa-suatu bangsa, tegas-nya untuk mendapatkan kema'moran.

"Ini, ada-lah sa-bagai kata sakti dari Dato Paduka itu yang patut benar2 kita fahamkan baik2," tegas beliau lagi.

Dalam pada itu Pengiran Md. Yusuf tidak lupa menyeru kepada seluruh rakyat negeri Brunei supaya berusaha ka-arrah pertanian yang meluas, bagitu juga dalam bidang perusahaan dan pertukangan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Besar di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.—(AT)



Kaum wanita yang mengunjungi pertunjukan itu bergembira melihat buah2an yang di-pamerkan.

Pertanian jamin kema'moran Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI—Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, telah menyeru penduduk2 negeri ini supaya berchuchok tanam untuk menjamin kema'moran negara.

Dalam kata pendahuluan-nya dalam buku ranchangan pertunjukan pertanian Brunei yang di-adakan di-sini pada 21 August, Dato Paduka berkata bahawa kerajaan akan memberi pertolongan kepada orang2 yang hendak menjalankan pekerjaan pertanian.

"Ini ada-lah menjadi dasar yang tetap bagi kerajaan untuk memajukan ekonomi negeri ini yang akan memberi kema'moran sa-jati kepada penduduk2 negeri sakalin" kata Dato Paduka.

Sa-terus-nya Dato Paduka telah membidas pemuda pemudi dan penduduk2 negeri yang menganggap pekerjaan pertanian itu sa-bagai satu pekerjaan yang hina.

"Pertanian telah dan maseh menjadi satu pekerjaan yang diangong2kan, sa-benar-nya ia-lah satu pekerjaan yang mendatangkan kema'moran besar", kata beliau.

Tentang kemuliaan pekerjaan pertanian itu Dato Paduka menambahkan :

"Di-abad yang kita diami masa ini yang penoh dengan berbagai2 pendapatan sain yang ajaib, pekerjaan berchuchok tanam yang di-lakukan beribu2 tahun tetap di-utamakan.

PALING MUSTAHAK

"Sebutan pertanian yang saya maksudkan itu bukan-lah ma'ana-nya hanya berchuchok tanam padi dan lain2 jenis tanaman sahaja tetapi termasuk-lah segala tenaga dan usaha untuk mengadakan makanan bagi sakalian manusia.

"Dengan terchapai-nya kemajuan yang chemerlang dalam ilmu perubatan maka bilangan kematian di-antara penduduk2 alam ini ada-lah bertambah kurang dan sa-balek-nya usaha memelihara kesihatan itu telah menambahkan bilangan kanak2 yang di-lahirkan.

"Hal ini memang benar berlaku di-Brunei saperti di-lain2 tempat di-dunia ini.

"Dari itu perbekalan dan peruntukan barang2 makanan bagi anak2 negeri menjadi satu perkara yang paling mustahak sa-kali.

"Kita di-Brunei terpaksa membeli kebanyakan dari barang2 makanan kita dari luar negeri.

Sultan baharu di-Selangor

(Dari muka 1)

di Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 3 August, 1957.

Almerhum ia-lah Raja Tanah Melayu yang pertama menunaikan fardhu haji. Baginda telah naik haji dalam tahun 1952.

Sa-bagai Sultan Selangor, Almerhum telah di-gantikan oleh putera sulung baginda, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Aziz Shah.

Pada masa ini perbuatan ini tidak-lah menjadi hal manakala pendapatan kita dari perusahaan minyak ada-lah lebeh daripada cukup untuk memenuhi kehendak2 kita.

TIDAK DI-JAMIN

"Tetapi tidak-lah dapat di-jamin yang keadaan itu akan tetap buat sa-lama2-nya. Dari itu untuk memenuhi kemahuan2 yang tidak dapat di-elak bagi penduduk2 Brunei pada masa ini hendak-lah mereka menghalakan fikiran2 mereka terhadap pertanian.

"Ada-lah menjadi satu kesalahan bagi orang2 kita yang menganggap bahawa pertanian itu sa-bagai satu pekerjaan yang hina. Kebanyakan pemuda pemudi di-masa ini sukakan kemewahan dan kesenangan tinggal di-bandar dan bekerja dengan kerajaan dan sharikat daripada berchuchok tanam.

"Pertanian telah dan maseh menjadi satu pekerjaan yang di-agong2kan, sa-benar-nya ia-lah satu pekerjaan yang mendatangkan kema'moran besar."

Dato Paduka berpendapat bahawa kegagalan penduduk2 Brunei dalam usaha pertanian mereka ia-lah kerana mereka itu maseh berpegang pada chara2 dan teknik pertanian yang lama yang menjadikan hasil pertanian itu tidak saimbang dengan kepenatan mereka kerana beberapa ekar tanah yang di-usahakan itu hanya memberi hasil yang menchukupi bagi keluarga mereka sahaja.

Beliau mengeshorkan mereka itu menggunakan chara2 yang lebeh moden jika hendak mendapat keuntungan yang lebeh besar.

"Di-negeri2 yang lebeh maju saperti Amerika Sharikat, Australia dan lain2 negeri Eropah, kaum petani ia-lah kaum yang kaya raya yang mempunyai beratus2 ekar tanah. Mereka itu dapat mengechap kema'moran dari usaha dan tenaga mereka.

"Negeri Brunei yang maseh kurang penduduk-nya dan mempunyai banyak tanah yang belum dikerjakan lagi memberi peluang keemasan kepada pemuda pemudi yang berusaha untuk menjadi petani mengikut kaedah baharu sa-chara besar2an".

LAWATAN DUA AHLI PARLEMEN KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dua orang ahli parlemen British, Puan Joan Vickers dan Tuan C. A. Howell, telah melawat ka-Brunei baharu2 ini sa-telah menghadhiri persidangan Persatuan Parlemen Commonwealth di-Kuching, Sarawak.

Mereka itu telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Puan Vickers dan Tuan Howell telah melawat kapadang minyak Seria atas jemputan Pengurus sharikat minyak Brunei Shell, Yang Berhormat Tuan P.M. Linton.

Lawatan ahli2 parlemen itu telah di-sambut baik di-Brunei dan Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim, telah meraikan mereka dalam satu majlis makanan di-dewan Civic Centre.

MAJLIS PEMUDA PEMUDI SA-DUNIA TERIMA BRUNEI SA-BAGAI AHLI

BANDAR BRUNEI—Brunei telah di-terima menjadi ahli Perhimpunan Pemuda Pemudi Sadunia dalam persidangan wakil2 dari lembaga2 pemuda pemudi seluroh dunia yang telah di-langsungkan di-Accra, Ghana baharu2 ini.

Perkara tersebut telah di-terangkan oleh Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Dipertua Lembaga Pemuda Pemudi Brunei ketika beliau kembali ka-Brunei pada hari Rabu lepas dengan kapal terbang sa-lepas menghadhiri persidangan itu.

Pengiran Puteh telah mewakili Negeri Brunei dalam persidangan Perhimpunan Pemuda Pemudi Sadunia, ia-itu "World Assembly of Youth", bersama dengan Dayangku Intan binti Pengiran Apong, sa-orang ahli jawatan kuasa Lembaga Pemuda Pemudi Brunei.

Pengiran Puteh menerangkan bahawa persidangan tersebut telah di-buka dengan resmi-nya oleh Tuan P.K.K. Juaidoo, Menteri Kebajikan Masharakat, Ghana.

Sa-lanjut-nya Pengiran Puteh menerangkan bahawa 100 buah negara dari seluroh dunia telah menghantarkan wakil2 mereka ka-persidangan itu dan kira2 500 orang pemuda pemudi telah mengambil bahagian.

Di-antara 15 buah negeri yang telah meminta menjadi ahli, kata Pengiran Puteh, hanya 7 buah negeri sahaja telah di-terima menjadi ahli, di-antara-nya ia-lah Brunei, Australia dan Nepal.

Persidangan itu telah membincangkan berbagai2 perkara

semua para perwakilan yang tidak tahu bahasa Inggeris telah mendengar terjemahan-nya dalam bahasa masing2 melalui alat2 penterjemahan.

Persidangan pemuda pemudi seluroh dunia akan di-adakan dua tahun lagi di-suatu tempat yang akan di-tetapkan kelak tetapi persidangan pemuda pemudi seluroh Asia akan di-adakan di-Vietnam pada bulan December akan datang.

Brunei mungkin akan menghantar wakil2 untuk mengambil bahagian dalam persidangan pemuda pemudi di-Vietnam itu.



Duli Yang Maha Mulia bersalaman dengan orang2 yang bergelar, pegawai2 kerajaan dan ra'ayat sa-belum menaiki kapal terbang dalam perjalanan ka-Malaya untuk menghadhiri istiadat permakaman Almerhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Hisamuddin Alam Shah, Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu.

BUAH TANGAN KAUM WANITA DI-PAMERAN

BANDAR BRUNEI. — Baharu2 ini satu pertunjukan yang di-anjorkan oleh Pejabat Tanaman Brunei telah di-langsungkan untuk penduduk2 di-seluruh negeri. Dalam pertunjukan itu hasil dayakerja masing telah di-saksi dan di-adilkan oleh beberapa orang hakim yang terpilih.

Hasil dayakerja kaum wanita telahmunchul dalam pertunjukan tersebut. Bilangan-nya tidak kurang dari apa yang telah di-pertunjukan oleh kaum laki2.

Pada hari itu dapat-lah di-saksikan bahawa apa yang boleh di-buat oleh kaum laki2, kaum wanita boleh juga membuat-nya.

Baik dari segi menyangkol, berchuchok tanam bersawah atau berladang, kaum wanita tidak

ketinggalan menunjukkan hasil dayakerja mereka.

Antara ayam itek yang di-bawa ka-pertunjukan itu kebanyakannya telah ditenak oleh kaum wanita.

Tetapi yang sangat menarik hati sa-kali antara barang2 pertunjukan itu ia-lah jenis2 kueh dan masakan2. Semua-nya itu ia-lah buah tangan kaum wanita.

Sa-lain dari itu kaum wanita telah berjaya dengan hasil2 jahitan, tekat menekat dan tennuan.

Bunga2 buatan daripada plastic, kertas, kain baldu dan satin ada-lah semua-nya hasil dari perusahaan kaum wanita.

KELUARGA CHINA MASOK ISLAM

SUNGAI LIANG. — Sa-orang China dan isteri-nya telah memelok ugama Islam dengan kehen-dak hati mereka sendiri baharu2 ini sini.

Mereka itu ia-lah Abdul Halim bin Abdullah dan isteri-nya Fatimah binti Abdullah.

Turut memelok ugama Islam ia-lah tujuh orang anak mereka, tiga orang laki2 dan empat orang perempuan. Mereka itu telah di-beri nama saperti berikut :

Hussin, Mariam, Zubaidah, Arif, Asmah, Sofiah dan Sulaiman.

PERKHEMAHAN KERANA SELAMAT BERPISAH

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha camp fire telah di-adakan di-rumah pandu puteri di-Kumbang Pasang di-sini pada 23 August kerana menguchapkan selamat belayar kepada guru lathan pandu puteri, Puan Wendy Bowden.

Puan Wendy Bowden telah melateh pasokan2 pandu puteri di-kawasan2 British Borneo sa-lama dua tahun.

Beliau di-jadualkan berlepas ka-United Kingdom dari Kuching, Sarawak dan akan singgah di-Australia dalam perjalanan-

nya ka-United Kingdom.

Dalam pada itu dua orang pandu puteri Brunei telah di-hantar ka-Singapura baharu2 ini untuk hadhir dalam perkhemahan jubilee pandu puteri.

Mereka itu ia-lah Afsah binti Yusof dan Dayang Amit.



Dato Paduka Haji Ibrahim memperkenalkan Puan Vickers kepada tetamu perempuan dalam majlis jamuan yang di-adakan di-dewan Civic Centre. Tuan Howell kelihatan berdiri antara Dato Paduka dengan Puan Vickers.

KAKI TERPAKSA DI-POTONG AKIBAT KEMALANGAN CRANE

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Melayu yang tidak boleh berjalan kerana kaki-nya di-potong akibat satu kemalangan tiga belas tahun dahulu telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur pada hari Rabu yang lalu sa-lepas di-ubati di-sana.

Beliau ia-lah Inche Hashim bin Lakim, berumur 48 tahun dan berasal dari Labuan, Borneo

Utara.

Inche Hashim telah di-temui di-lapangan terbang Brunei oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Mohamed, Timbalan Yang Dipertua, Persekutuan Palang Merah British, Chawangan Brunei dan Pengiran Shahminan, Pengarah, Persekutuan Palang Merah British, Bahagian Brunei.

Ketika di-temui-nya di-lapangan terbang Brunei, Inche Hashim menerangkan bahawa beliau biasa bekerja di-Brunei dan juga pernah mengambil bahagian dalam pertandingan bola sepak sabelum di-timpa kemalangan yang terok di-Labuan pada tahun 1947 pada masa memandu sa-buah crane.

Oleh kerana kemalangan itu, kata-nya, kaki-nya terpaksa di-potong.

Inche Hashim menyatakan lagi bahawa beberapa bulan dahulu, Pasokan Palang Merah British, Borneo Utara telah memberi pertolongan kepada-nya dan menghantar-nya ka-Kuala Lumpur untuk di-pasang sabuah kaki palsu dan mengubat kesakitan-nya.

Kini, kesakitan-nya itu telah semboh dan ia dapat berjalan saperti biasa dengan menggunakan kaki palsu.

Inche Hashim telah di-bawa melawat keluarga-nya oleh Pengiran Shahminan sa-lepas ia tiba di-Brunei dan telah berangkat ka-Labuan dengan kapal terbang pada petang hari itu juga.

"Malam Malaya" di-batalkan

SERIA—Malam Malaya yang di-jadualkan untuk di-adakan di-bangunan SRC di-sini pada malam Ahad lepas telah di-batalkan oleh sebab kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almerhum Sultan Hisamuddin Alam Shah.

Senarai pemenang dalam pertunjukan pertanian

BANDAR BRUNEI—Pertunjukan pertanian sa-Negeri Brunei kali ke-14 yang berlangsung di-sini pada 21 August lepas telah di-bahagikan kepada 10 bahagian.

Lebih 900 hadiah telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Besar kepada mereka2 yang berjaya saperti berikut:—

Hadiah2 kurnian Duli Yang Maha Mulia kerana pertukangan perak telah di-menangi oleh Abdul Halim bin A

Tarif (1), Awang Tahir bin P.U.K. Haji Umar (2) dan (3).

Pertukangan tembaga: Ibrahim b. Tahir dan (2) dan Umar b. M. Said (3).

Tennuan daripada benang emas dan perak: Awang Tahir b. P.U.K. Haji Umar, (1) dan (2) dan Haji Md. Tahir b. Haji Bakar (3).

Sulam menyulam daripada benang emas dan kain kebanyakan: Norma bt. Abdul Rahman (1), Zainah bt. Abd. Rahman (2) dan Masita bt. Othman (3).

Anyaman Dari Pada Rotan, Pandan, Buloh dan Bamban: Chuchu bin Md. Ja'afar (1), Jalinah binte Sawal (2) dan Jariah binte Apong (3).

Tennuan Kain Dari Da'erah Pendalaman: Maria King (1) dan (2), dan Jumat bin Aman (3).

Anyaman Dari Pada Plastic: M. Norhayati binte M. Taha (1), Lily Ong (2), Dayangku Rohayah binte P. K. I. Mohamed (3) dan Halimah Salim (Hadiah kasehan).

Piala Perak dari Puan Trumble (Pertukangan Perak) di-menangi oleh Awang Abd. Halim bin Tarif, Kampong Sungai Kedayan, Brunei.

Piala dari Chop Hup Cheong (Getah Para I) di-menangi oleh Momin bin Abas, Kampong Beribi, Brunei.

Piala dari Chop Hong Guan (Getah Para II) di-menangi oleh Sahid bin Haji Tamit, Kampong Beribi, Brunei.

Perisai dari B.S.P. Co., (Bintang Teranakan) di-menangi oleh Johnny Loh, Jalan Berakas, Brunei.

Piala dari Tuan George Ah Foot and Co., (Pokok Bunga) di-menangi oleh Lee Ping Yarm, Istana Darul Hana, Brunei.

Piala dari Tuan Ong Kim Sai (Bunga Oked) di-menangi oleh M. Bastian, S.O.A.S. College, Brunei.

Piala dari Malayan Fertiliser (Buahan2 dan sayoran2) di-menangi oleh Hee Hong Eng, Jalan Muara, Brunei.



Wakil2 pasokan pandu puteri Brunei.

Keputusan peraduan tinju Brunei - Seria

BRUNEI MENANG 8 PERTANDINGAN

BANDAR BRUNEI. — Delapan orang ahli2 tinju dari Bandar Brunei telah memenangi pertandingan tinju di-antara Bandar Brunei, Tutong dan Seria di-Dewan Civic Centre pada malam 27 August yang lalu.

Pertandingan itu telah di-langsungkan kerana kutipan derma untuk sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Semua-nya dua belas perlawanan telah di-adakan.

Sa-puloh daripada perlawanan2 itu ia-lah di-antara Bandar Brunei dan Seria, satu di-antara

mendapat sambutan yang baik oleh peminat2 tinju dari seluruh Negeri Brunei, di-antara-nya ia-lah dari kawasan Seria dan Kuala Belait.



Pemandangan dalam peraduan tinju antara Bandar Brunei dengan Seria.

Bandar Brunei dan Tutong dan satu lagi perlawanan di-antara ahli tinju dari Bandar Brunei melawan sa-orang lagi dari Bandar Brunei juga.

Perlawanan tinju itu telah

Tiap2 perlawanan ia-lah sa-banyak tiga kali pusingan dan tiap2 pusingan itu mengambil masa sa-lama dua minit.

Kebanyakan daripada ahli2 tinju itu ia-lah pemuda2 Mela-

yu. Mereka telah berlawan dengan hebat dan mendapat tepok sorak yang kuat daripada para penonton.

Sa-orang ahli tinju dari Bandar Brunei telah menang dengan sa-chara pukulan jatuh dan bagitu juga sa-orang dari Seria telah memenangi pertandingan itu sa-chara pukulan jatuh.

PIALA2 PERAK

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan hadiah piala2 perak kepada pemenang2 dan juga kepada orang2 yang tidak berjaya sa-lepas pertandingan itu.

Keputusan penoh pertandingan tinju itu ia-lah saperti di-bawah ini :—

Kassim Saman dari Bandar Brunei mengalahkan David Wee dari Seria, Joseph Chin dari Bandar Brunei di-kalahkan oleh Ali Noor dari Seria, Awangku Latiff dari Bandar Brunei di-kalahkan oleh A.M. Zalam dari Seria.

PUKULAN JATOH

Timbang dari Bandar Brunei mengalahkan Mathew Samy dari Seria, Ahmad Rashid dari Bandar Brunei mengalahkan M. A. Rahman dari Seria, Momin dari Bandar Brunei mengalahkan A.H. Bakar dari Seria.

Sahat Shaik Othman dari Bandar Brunei mengalahkan Mohamad Salleh dari Seria, Razak dari Bandar Brunei di-kalahkan oleh Ishak dari Seria, Awangku Kassim dari Bandar Brunei mengalahkan M. Razalli dari Seria sa-chara pukulan jatuh.

KALAHKAN

Omar Johari dari Bandar Brunei mengalahkan Johnny Shim dari Bandar Brunei juga, Yunus dari Bandar Brunei di-kalahkan oleh M. Yusof dari Seria dengan sa-chara pukulan jatuh dan Yahaya dari Bandar Brunei mengalahkan Sergeant Pengiran Mohamed dari Tutong.

ROMBONGAN SUKAN SOAS BERMAIN DI-BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Ramai murid2 dan guru2 dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei telah berangkat ka-Jesselton, Borneo Utara baharu2 ini kerana mengadakan pertandingan2 hokey, basketball, bola sepak, badminton dan kriket dengan pasukan2 di-sana.

Lawatan rombongan Sultan Omar Ali Saifuddin College ka-Jesselton itu ia-lah kerana menghubungkan perpaduan dengan murid2 sekolah dan para penduduk di-sana.

Mereka telah menang dua perlawanan, ia-itu hokey dan basketball.

Keputusan penoh pertandingan2 tersebut ada-lah saperti di-bawah ini :

Hokey : Sultan Omar Ali Saifuddin College mengalahkan pasukan champoran sekolah2 Jesselton dengan 2 gol berbalas 1.

Basketball: Sultan Omar Ali Saifuddin College mengalahkan Sekolah Menengah Jesselton.

Kriket: Pasukan champoran Jesselton mengalahkan Sultan Omar Ali Saifuddin College dengan 49 lari berbalas 36 lari.

Badminton: Pasukan champoran Jesselton mengalahkan Sultan Omar Ali Saifuddin College dengan 7 perlawanan tidak berbalas, ia-itu 4 perlawanan sa-saorang dan 3 perlawanan dua orang.

Bola sepak: Murid2 sekolah Jesselton mengalahkan Sultan Omar Ali Saifuddin College dengan 3 gol berbalas 1.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa harus pasukan2 dari Jesselton pula akan melawat ka-Brunei pada masa akan datang untuk mengadakan perlawanan2 bola sepak, hokey, cricket dan sa-bagai-nya dengan pasukan2 tempatan.

PERTANDINGAN AKHIR KERANA KEJOHANAN DI-TANGGOHKAN

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan akhir bola sepak bahagian pertama di-antara P.W.D. Workshop dan Polis Bandar Brunei yang telah di-tetapkan pada petang hari Khamis yang lalu di-Padang Bandar Brunei telah di-tanggoihkan.

P.W.D. Workshop ia-lah johan pertandingan tersebut pada tahun lepas.

Pertandingan itu di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Bola Sepak Bandar Brunei.

KESEDEHAN

Berhubung dengan perkara tersebut, Pengiran Salleh bin Pengiran Haji Rajid, Setia Usaha Persatuan Bola Sepak Bandar Brunei menerangkan bahawa jawatan kuasa-nya telah menangguhkan pertandingan itu ia-lah kerana berasa kesedehan atas kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu pada pagi hari itu.

Beliau menegaskan bahawa tarikh pertandingan tersebut antara P.W.D. Workshop dan Polis Bandar Brunei akan di-urumkan sedikit hari lagi.



Ahli2 tinju Bandar Brunei bergambar ramai dengan juruteh mereka, Tuan S. B. Palaniandy.

Malaya sambut ulang tahun kemerdekaan

KUALA LUMPUR—Timbalan Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis telah menyeru rakyat Persekutuan supaya jangan lemah semangat semata-mata kerana, mas'alah yang di-hadapi dalam zaman merdeka sekarang susah dan rumit

Seruan itu telah di-titahkan melalui radio untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 August.

Baginda bertitah:—

"Semangat dan perpaduan kita menghadapi mas'alah2 di-negara kita ada-lah membuktikan peribadi bangsa kita dan memelihara mertabat kita dalam dunia ini.

"Beta perchaya sakalian penduduk dalam negara yang muda ini sa-ia sa-kata dengan beta apabila beta katakan bahawa semua orang Tanah Melayu di-mana2 tempat jua pun sangatlah bergembira menyambut hari ulang tahun merdeka yang ketiga ini.

"Hari ini bukan sahaja mengingatkan kita kepada segala peristiwa yang besar dalam sejarah negara ini bahkan juga hari ini tiada-lah jauh antaranya dengan satu peristiwa lagi yang sangat besar erti-nya bagi keamanan, kema'moran dan kesenangan negara ini.

"Pada hari menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ketiga ini patut-lah semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu bersyukur kerana banyak kejayaan yang telah kita chapai.

"Sa-sabua negara itu boleh-lah di-ibaratkan sa-bagai sa-orang kanak2 yang akan besar menjadi manusia dengan beransor2. Tetapi Persekutuan Tanah Melayu dalam masa tiga tahun sahaja telah menchapai beberapa kejayaan.

"Sa-belum merdeka dahulu kita tiada di-pandang sa-buah negara dan kita tiada-lah boleh menchamponi dalam hal ehwal urusan dunia.

"Tetapi sekarang nama Persekutuan Tanah Melayu sudah mashhor di-mana2 jua pun dan

KEBUDAYAAN MALAYA

KUALA LUMPUR. — Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Inche Abdul Rahman bin Talib tidak berbeza pendapatnya dengan Kumpulan Budi Utama mengenai soal kebudayaan Melayu menjadi teras kebudayaan nasional Persekutuan.

Menurut beliau bahasa ada-lah sendi yang penting dalam soal kebudayaan dan mengakui bahasa Melayu sa-bagai bahasa nasional dan bererti dengan sendirinya kebudayaan Melayu di-terima sa-bagai dasar kebudayaan nasional.

Penjelasan ini telah di-berikannya dalam satu pertemuan dengan wakil2 KUBU di-Kementerian Pelajaran baharu2 ini.

Pertuan Agong dalam titah baginda. Seri Paduka Baginda sedang gering dan keadaan-nya telah menjadi bertambah tenat dan terok.

"Beta yakin tuan2 sakalian akan bersama2 dengan beta berdoa kepada Tuhan mudah2an di-semboahkan-nya dengan kegeringan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda supaya dapat baginda menyempurnakan tanggungan2 Diraja-nya samula." Kata Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

buah fikiran-nya ada-lah diujung tinggi."

Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong itu telah menyebut kegeringan Seri Paduka Baginda Yang di-

PERDANA MENTERI JADI MANGSA

AMMAN. — Perdana Menteri Jordan yang berumur 44 tahun, Tuan Hazz Majali telah terbunuh dan 9 orang telah mati serta 50 orang terchedera apabila sa-butir bom telah menjahanamkan pejabat perdana menteri itu pada minggu lepas.

Kematian itu telah di-umumkan oleh Radio Amman.

Radio Kahirah yang menyiarkan berita yang di-petik dari Kantor Berita Timor Tengah telah mengumumkan jumlah orang2 yang mati dan chedera dan menyatakan bahawa tentera2 telah keluar ka-jalan2 raya dan perintah berkurong sedang di-jalankan.

Berita2 yang sampai di-Beirut dari Amman menyatakan bahawa letupan itu telah menimbulkan kerosakan yang besar kapada bangunan kementerian luar negeri yang mengandongi pejabat perdana menteri.

Radio Kahirah menambah kata bahawa menurut berita yang tidak rasmi, sa-butir yang kedua telah meletup di-dalam pejabat Pengarah Agong Penerbitan.

Berita2 ini juga menyatakan bahawa sa-orang setiausaha rendah dari jabatan kementerian luar negeri telah tertimbus di-dalam runtohan2 itu bersama2 Tuan Majali.

Radio Kahirah menambah kata bahawa menurut berita yang tidak rasmi, sa-butir yang kedua telah meletup di-dalam pejabat Pengarah Agong Penerbitan.

LUMUMBA BERCHADANG HENDAK MENGAMBIL 8,000 TENTERA

Leopoldville. — Perdana Menteri Congo, Tuan Patrice Lumumba yang telah menyeru supaya mara masuk ka-wilayah Katanga yang berpechah dari Congo itu, telah memberi tahu satu rapat umum politik di-Stanleyville bahawa beliau berchadang hendak mengambil 8,000 orang tentera dari wilayah Ruanda-Urundi ia-itu sa-buah kawasan amanah Belgium.

Beliau berkata bahawa 8,000 orang tentera itu dahulunya berkhidmat dengan pihak berkuasa Belgium di-wilayah tersebut, tetapi sekarang sudah menamatkan perkhidmatan mereka dan berada di-wilayah timor Congo.

Sa-puluh orang tentera Congo telah chedera parah dalam satu pertempuran dengan tentera2 yang di-bawah perintah Penghulu Albert Kalonji dari daerah Kasai yang berpechah dari Congo, demikian-lah mengikut keterangan2 yang di-terima di-Katanga.

Katanga boleh di-katakan telah menutup semua sa-kali sempadan-nya yang di-sabelah utara untuk mengadap anchaman2 dari tentera2 kerajaan pusat yang datang dari Kasai.

Kerajaan Amerika Sharikat berchadang hendak menghantar satu bantahan keras kapada kerajaan Congo mengenai serangan ka-atas orang2 Amerika yang berada di-lapangan terbang di-situ.

Sementara itu panglima tentera Belgium di-wilayah Katanga, General Roger Cheysen, telah menchadangkan kapada Bangsa2 Bersatu bahawa kawasan2 sempadan di-antara Katanga dan Kasai hendak-lah di-jadikan sa-buah kawasan lapangan tentera.

Sa-orang penasihat Bangsa2 Bersatu di-Congo berkata bahawa tentera2 Bangsa2 Bersatu telah mulai mengembangkan sayap-nya di-sepanjang2 sempadan Katanga dan telah mengambil kuasa dari pihak berkuasa Belgium di-bandar2 besar dekat dengan sempadan itu.

SHARAT2 UNTOK MENGAKUI PARTI

JAKARTA. — Kerajaan Indonesia sekarang tidak mengakui parti2 politik sa-chara rasmi demikian di-umumkan oleh sa-orang juruchakap kementerian penerangan di-sini.

Beliau berkata bahawa parti2 politik di-negeri-nya sedang bergerak di-atas dasar2 yang bersharat.

Parti2 itu akan di-akui sa-chara rasmi apabila sahaja mereka mengumumkan berterang2 bahawa mereka akan taat kapada undang2 yang memberi kuasa kapada Presiden menguasai semua pertubuhan2 politik.

Di-bawah undang2 itu, parti2 politik mesti-lah mengumumkan pengharman atas pemberontakan, memberi akuan mereka untok mempertahankan perlembagaan yang ada sekarang ini dan mendasarkan ranchangan2 pergerakan mereka mengikut manifesto politik Presiden Soekarno.

Negara2 Arab setuju beri sokongan

KAHIRAH. — Majlis Persatuan Arab yang bersidang di-Shtura, Lebanon, semenjak hujung bulan lepas telah menegaskan lagi di-dalam persidangan yang tertutup akan sokongan-nya ka-atas perchubaaan rakyat Palestin hendak mendapatkan samula tanah ayer mereka dengan bantuan dan kerjasama negara2 Arab.

Majlis itu telah menyerahkan mas'alah yang tertentu mengenai tentang ujud-nya kebangsaan dan tentera Palestin kapada sa-buah jawatankuasa yang mengandongi pakar2 sa-ramai lima orang yang di-ketuai oleh Tuan Abdel Khaleq Kassouna.

Ini ia-lah sa-perkara yang majlis itu tidak dapat menchapai persetujuan, demikian-lah di-bayangkan oleh pemerhati2.

Pengerusi persidangan, Tuan Philip Teola, yang juga menjadi Menteri Luar Lebanon telah berkata bahawa sungguh pun bagitu maka persetujuan atas lain2 perkara telah pun terchapai.

Jawatankuasa yang telah dibentuk di-dalam satu persidangan majlis tersebut yang telah di-langsungkan di-Kahirah dalam bulan February telah di-tugaskan untok membuat sa-buah ranchangan yang meliputi mengenai mendapatkan sa-mula Palestin dan mesti-lah menghantarkan laporan-nya kapada majlis dengan sa-berapa segera.